



SIARAN MEDIA
SEKRETARIAT MAJLIS TVET NEGARA

PERASMIAN HARI TVET NEGARA 2026 DAN
PELANCARAN TVET 2.0 OLEH YAB PERDANA MENTERI

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hari ini menyempurnakan Sambutan Hari TVET Negara 2026 di Dataran Putrajaya serta melancarkan TVET 2.0, satu evolusi baharu pembangunan bakat negara yang bakal memperkukuh sistem latihan kemahiran agar lebih responsif, fleksibel dan berpaksikan keperluan industri serta ekonomi masa hadapan.

Dalam ucapan perasmiannya, Perdana Menteri menegaskan bahawa TVET kini merupakan laluan utama pembangunan bakat negara yang semakin mendapat keyakinan masyarakat sebagai platform melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Beliau turut menyifatkan ekosistem TVET Malaysia sebagai antara penanda aras utama di peringkat ASEAN hasil komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh agenda pembangunan bakat negara.

Perdana Menteri turut mengumumkan kesediaan Kerajaan untuk membenarkan sehingga RM50 juta daripada Dana Program Berimpak Tinggi di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) digunakan bagi menyokong pelaksanaan awal TVET 2.0.

TVET 2.0 merupakan pendekatan baharu yang menekankan pembelajaran berasaskan industri dan tempat kerja, TVET sepanjang hayat, peningkatan kemahiran ke tahap lebih tinggi serta pembiayaan bersama antara kerajaan dan industri. Pendekatan ini bertujuan memastikan pembangunan bakat negara sentiasa selari dengan keperluan industri dan teknologi masa hadapan.

Dalam usaha memperkukuh pembangunan bakat negara, Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa badan-badan penyelidikan kerajaan akan menyediakan peluang latihan kepada pelajar TVET terpilih bagi meningkatkan kompetensi, memperluas pendedahan kepada teknologi terkini serta memperkukuh daya saing graduan TVET.

Sambutan Hari TVET Negara 2026 dengan tema “TVET Pilihan Utama Kerjaya” yang berlangsung dari 5 hingga 7 Jun 2026 di Dataran Putrajaya menjadi platform nasional yang menghimpunkan agensi kerajaan, institusi TVET awam dan swasta, pemain industri, usahawan, pelajar serta masyarakat dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan TVET sebagai pemacu pembangunan modal insan dan ekonomi negara.

TVET akan terus diperkukuh sebagai pilihan utama kerjaya dan pemacu pembangunan bakat negara. Melalui pelaksanaan TVET 2.0, Malaysia akan terus memperkukuh ekosistem TVET yang lebih dinamik, berdaya saing dan berpaksikan industri bagi memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan.

SEKRETARIAT MAJLIS TVET NEGARA

PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

6 JUN 2026